



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

BANDAR BRUNEI, RABU, 5 AUGUST, 1959 (1 Safar, 1379)

PERCHUMA

TAHUN 4. BIL. 15.

D.Y.M.M. TERIMA IKRAR TA'AT SETIA

BANDAR BRUNEI. — Kaum Indian Bandar Brunei telah memberi ikrar ta'at setia mereka kepada Duli Yang Maha Mulia dan Negeri Brunei dalam satu majlis jamuan di-Civic Centre di-sini baharu2 ini kerana menyambut kejayaan rombongan perlembagaan Brunei yang diketuai oleh baginda itu.

Dalam majlis itu Yang di-Pertua Persatuan Indian Bandar Brunei, Tuan A. Muthian telah berkata bahawa kaum Indian akan sentiasa patoh kepada undang2 negeri dan ta'at kepada Duli Yang Maha Mulia.

Untuk menegaskan perasaan itu beliau telah menyembahkan kalong bunga kepada baginda dan merenjiskan ayer rose mengikut adat istiadat Indian.

Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan memberi terima kasih atas ikrar ta'at setia antara lain2 bertitah :

"Sa-lama ini saya telah berfikir bahawa kaum Indian di-negeri saya ini tersangat kecil bilangannya tetapi apa yang saya nampak dari jumlah yang hadir pada hari ini saya dapati sudah beransor2 bertambah besar.

"Saya ucapkan berbilang2 terima kasih atas jemputan, persembaan dan sambutan ini. Demikian juga atas segala ucapan yang telah di-lafazkan oleh Yang Dipertua Persatuan Orang2 Indian Bandar Brunei itu kepada saya.

"Sa-sungguh-nya saya dan rombongan telah mendapat selamat sejahtera dalam perangkatan saya baharu2 ini ka-London dan ka-Malaya serta balek ka-tanah ayer dengan mencapai kejayaan2 yang besar dan sa-tinggi kehormatan pula telah di-anugerahkan kepada saya di-Persekutuan Tanah Melayu.

"Pada hari ini saya mengambil kesempatan menyampaikan kepada Persatuan Orang2 Indian Bandar Brunei peri kegemilangan hati saya kerana memperbincang ta'at setia, kata sa-fakat, bekerjasama dan bersafahaman dengan bangsa2 lain di-Brunei ini.

"Maka dengan ini saya berha-

rap mudah2an dalam sedikit masa lagi kita akan berjaya di-dalam memperselesaikan perlembagaan negeri kita ini.

"Dengan kerja sama dan bantu membantu serta kata sa-muafakat di-amalkan oleh ra'ayat2 Negeri Brunei ini insha Allah kita dapat mencapai segala cita2 yang terbayang di-hati kita dengan sempurna dan aman damai."



Tuan A. Muthian, Yang di-Pertua Persatuan Indian Bandar Brunei telah menyembahkan kalong bunga kepada Duli Yang Maha Mulia dan sa-lepas itu merenjiskan ayer rose mengikut adat istiadat Indian.

CHENDERA2 MATA JADI KENANGAN LAWATAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dan Raja Permaisuri Agong telah mengucapkan terima kasih baginda atas chendera2 mata yang di-hadiahkan oleh Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri.

Dalam sa-puchok surat yang di-terima oleh baginda Seri Paduka berkata :

"Paduka kakanda amat-lah berasa terhitung budi kerana chendera mata yang sangat2 berharga yang telah paduka adinda berdua hadiahkan kepada kakanda berdua.

"Chendera2 mata itu menunjukkan keindahan seni pertukangan Brunei yang bermutu tinggi itu."

Sa-belum itu Seri Paduka juga mengirim kawat memberi terima kasih kerana peratoran2 yang baik yang telah di-adakan di-Brunei kerana menyambut lawatan baginda sa-lama sa-minggu dari 6 July lepas.

Pertunjokan pertanian

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokan tanaman Brunei yang ke-tiga belas akan di-adakan di-sekolah Melayu SMJA dan sekolah Raja Isteri Fatimah di-sini pada 5 September.

BAYARAN AIR MAIL DAN REGISTER KA-LUAR NEGERI DI-NAIKKAN

BANDAR BRUNEI.—Harga stamp kerana airmail ka-Malaya dan Singapura dan kawasan2 di-Borneo telah di-naikkan mulai 1 August ini.

Bayaran register kerana semua surat2 ia-lah 25 sen tidak 15 sen lagi dari tarikh tersebut.

Stamp yang mesti di-lekatkan pada surat ka-Malaya dan Singapura ia-lah 20 sen bagi ½ oz. dan surat2 jenis second class 12 sen. Postcard 15 sen dan surat2 yang menggunakan borang airmail yang ringan 15 sen.

Stamp kerana surat2 Borneo

Utara dan Sarawak ialah 12 sen, postcard 8 sen, surat2 khabar, kertas2 penerangan dan bungkusannya2 kecil 5 sen bagi tiap2 2 ozs.

Barang2 yang di-kirim dengan pos boleh di-insure. Bayaran-nya ia-lah 25 sen atas nilai sa-banyak \$100. Jika nilai itu lebih dari \$100 di-kenakan bayaran tambahan sa-banyak 20 sen bagi \$100 yang berikutnya.

MAHKAMAH ULANG BICARA SAHKAN HUKUM GANTONG KA-ATAS 3 IBAN

BANDAR BRUNEI. — Rayuan ulang bicara daripada tiga orang Iban atas hukuman gantung yang di-kenakan kepada mereka kerana membunuh telah di-tolak oleh mahkamah ulang bicara di-sini pada 30 July.

Orang2 Iban itu, Buntu anak Unyan, Ngang atau Jamban anak Ujil dan Pilang anak Pagang telah di-dapati salah membunuh Lim Teow Sim apabila perbincaraan di-adakan di-hadapan Tuan Hakim G.G. Briggs pada 3 July.

Orang2 Iban itu telah juga dikatakan melukakan isteri Lim dan beberapa orang anak-nya di-Pandaruan, dalam bulan Febru-

ary. Kejadian itu berlaku sa-telah orang2 Iban itu di-benarkan oleh Lim menumpang bermalam di-kedai-nya.

Perbincaraan menimbangkan rayuan ulang bicara itu telah di-ketuai oleh Pemangku Hakim Besar Tuan L. D. Smith. Beliau telah di-bantu oleh Tuan2 Hakim M.R.F. Rogers and D.B. McGilligan.

Majlis jamuan pegawai2

KUALA BELAIT. — Satu majlis jamuan makan tengah hari telah di-adakan di-sini oleh pegawai2 Kerajaan di-Belait/Seria pada hujung minggu lepas kerana menyambut kejayaan rombongan perlembagaan Brunei.

Majlis itu telah di-hadiri oleh Duli aYng Maha Mulia, ahli2 rombongan dan pembesar2 negeri dari Brunei.

WANITA2 DI-JEMPUT MENJADI KETUA PUTERI

BANDAR BRUNEL — Persatuan Pandu Puteri Brunei akan mengalu2kan kedatangan Jurulatih Pandu Puteri, Puan Wendy Bowden yang akan sampai di-sini dalam bulan August hadapan.

Puan Bowden akan berada di-sini sa-lama dua minggu kerana menguruskan kursus latehan bagi ketua2 pandu puteri dan pasokan2 brownie.

Dalam pada itu persatuan itu telah berchadang hendak menu-buhkan pasokan2 pandu puteri dan brownie lagi di-negeri ini sa-bagai menyambut permintaan bakal2 pandu puteri yang pada masa ini tidak mempunyai ketua.

Gadis2 dan wanita yang berumur lebeh dari 18 tahun ada-lah di-kehendakkan berkhidmat de-

ngan persatuan itu untuk menga-soh kanak2 perempuan yang berumur di-antara 9 dengan 17 tahun menjadi pandu puteri dan brownie.

Latehan itu akan di-jalankan pada awal bulan September.

Bayaran kerana latehan tidak

akan di-kenakan tetapi pelatoh2 ada-lah di-minta membayar har-ga makanan jika tinggal dalam kawasan latehan.

Wanita dan gadis2 yang ber-chita2 hendak menjadi ketua pandu puteri itu ada-lah di-minta berhubung dengan Persatuan Pandu Puteri Brunei, c/o Puan Judtih Fitton, Pejabat Perubatan Brunei, Bandar Brunei.

Keputusan peraduan bacaan Al-Koran

BANDAR BRUNEL—Keputusan peraduan bacaan Koran peringkat akhir bagi seluroh Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada hujung bulan sudah ada-lah seperti berikut:

Bahagian orang2 dewasa lelaki — pertama Mohammad Yusuff bin Abdul Latif dari Brunei, kedua Majidi bin Haji Mohammad dari Belait dan ketiga Zainal bin Tunggul dari Tutong.

Orang2 dewasa perempuan — pertama Mardhiah binte Haji Yasin dari Tutong, kedua Mari-am binte Habib Ahmad dari Brunei dan ketiga Fatimah binte Haji Sha'ari dari Seria.

Kanak2 lelaki — pertama Sha'ari bin Awang Hussain dari Brunei, kedua Abdul Majid bin Haji Abdul Rahim dari Temburong dan ketiga Ahmad bin Haji Suhaili.

Kanak2 perempuan — pertama Taibah binte Kuli dari Belait, kedua Hajjah Zainab binte Haji Salleh dari Brunei dan ketiga Masjidah binte Abang Ali dari Seria.

Majlis peraduan Koran yang di-adakan bagi merayakan sambutan tahun baharu Hijrah 1379 itu telah di-hadhiri oleh ramai orang2 muslimin dan muslimat dari tiap2 daerah di-Brunei.

Antara hadhirin yang menyaksikan peraduan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera.

Hadiah2 kepada orang2 yang telah berjaya telah di-sampaikan oleh Pengiran Bendahara.

5 EKOR BUAYA HAMPIR MASOK RUMAH

SERIA — Empat atau lima ekor buaya, panjang-nya 16 atau 17 kaki telah kelihatan tidak beberapa kaki jauh-nya dari sa-buah rumah di-sini baharu2 ini.

Puan Lau Ham Chung isteri sa-orang pekerja sharikat BSP telah melihat buaya2 tersebut lalu memanggil Tuan Cecil Dorrall supaya menembak binatang2 itu.

Tembakan itu tidak berjaya dan buaya itu telah mengelom-chor turun dari parit dekat rumah Puan Lau balek ka-sungai.

JAWATAN2 DI-BRUNEI KOSONG

BANDAR BRUNEL—Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada pegawai2 kerajaan untuk memohoni beberapa kerja kosong di-pejabat2 Municipal, Bandar Brunei, Belait dan Tutong.

Kerja2 kosong itu ia-lah Municipal Inspector dan Building Inspector.

Kelayakan kerana memohoni jawatan Municipal Inspector itu ia-lah lulus darjah VII Sekolah Inggeris dan darjah V sekolah Melayu. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai pengalaman dalam segala segi kewajipan bandar dan kerajaan tempatan.

Untuk memohoni jawatan building inspector itu pula pemohon2 hendak-lah juga mempunyai diploma dari Technical College, Kuala Lumpur atau diploma yang sa-rupa itu.

Sa-lain dari diploma technical college, pemohon2 kerana jawatan building inspector hendak-lah pandai berbahasa Melayu dan Inggeris dan telah mendapat pengalaman sa-lama enam tahun sa-bagai pegawai pembenaan bangunan.

Permohonan2 bagi kedua jawatan itu hendak-lah di-hantarkan kepada Setia Usaha, Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam, melalui ketua pejabat.

Bayaran atas bungkus air mail

BANDAR BRUNEL, — Bayaran baharu kerana mengirim bungkus dengan kapal terbang ka-Singapura dan Malaya telah di-umumkan dan di-kenakan mulai 1 haribulan ini.

Bayaran kerana sa-tengah paun pertama ia-lah \$2.00 dan bagi tiap2 sa-tengah paun lepas itu 90 sen.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang menyerahkan panji2 pengakap kepada sa-orang wakil rombongan pengakap2 yang telah pergi ka-Manila mewakili Brunei baharu2 ini di-jamboree pengakap2 seluroh dunia.

ROMBONGAN PENGAKAP2 BRUNEI KEMBALI DARI MANILA

BANDAR BRUNEL, — Enam belas orang pengakap Brunei yang menghadhiri jamboree pengakap seluroh dunia di-Manila telah balek ka-Brunei pada hujung bulan lepas dan sa-malam.

Tujuh orang telah sampai pada 28 July manakala yang lainnya di-ketuai oleh ketua rombongan tersebut, Inche Abdul Jalil bin Abdul Rahman telah sampai ka-Labuan dengan kapal terbang CPA sa-malam.

Rombongan kedua yang terdiri dari sembilan orang itu telah balek melalui Hongkong sa-telah tinggal beberapa hari di-Manila.

Sa-belum rombongan itu bertolak ka-Manila pada 14 July, Duli Yang Maha Mulia telah bermurah hati menyampaikan panji2 pengakap Brunei untuk di-kibarkan di-perkemahan jamboree tersebut.

Jamboree itu berjalan sa-lama 10 hari dan telah di-tamatkan pada 26 July.

Pasokan Sandakan kalahkan Seria

SERIA, — Dalam satu pertandingan hockey Lembaga Sukan Belait baharu2 ini Kuala Belait Recreation Club telah mengalahkan Shell Recreation Club, Seria dengan 3 gol tidak berbalas di-Padang Shell Recreation Club.

TARIKH CHUTI SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEL, — Sekolah2 Melayu seluroh Negeri Brunei akan di-tutup kerana chuti penggal kedua sa-lama kira2 sa-tengah bulan.

Chuti di-mulakan pada 12 haribulan akan datang dan akan di-buka sa-mula pada 30 haribulan.

Sekolah2 Inggeris — Sultan Omar Ali Saifuddin College dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei dan Anthony Abell College, Seria akan di-tutup pada 28 haribulan ini dan akan di-buka sa-mula pada 15 September.

Darjah2 ugama di-sekolah tersebut akan juga di-tutup mengikut chuti sekolah2 itu.

PEJABAT ELECTRIC BRUNEI MASEH DI-PERKEMBANGKAN

Harapan semua kampong2 kecil mendapat bekalan electric

Dari permulaan yang kecil dengan mempunyai dua buah generator yang bertenaga 40 kilowatt sa-buah, Pejabat Electric Brunei telah menempoh perkembangan lebeh dari 36 kali ganda dalam masa 25 tahun.

Sekarang tenaga electric yang di-keluarkan oleh generator2 pejabat itu berjumlah 2,778 kilowatt dari tujuh buah generator besar yang satu2-nya mengeluarkan tenaga dari 150 hingga 884 kilowatt.

Tidak semua generator itu digunakan pada sa-panjang masa. Walau bagaimana banyak tenaga electric di-kehendaki pada sasua-tu masa, sa-buah generator adalah di-asingkan untuk menyambut kechemasan seperti kerosakan yang tidak di-sangka.

Sa-kurang2-nya sa-buah generator yang mengeluarkan tenaga 884 kilowatt ada-lah sentiasa ditugaskan kerana kepentingan itu siang dan malam.

Perkembangan Pejabat Electric Brunei itu telah berjalan dari tahun 1934 ia-itu semenjak dua buah generator kecil yang disebutkan di-atas tadi di-pasang di-Bandar Brunei.

Generator2 itu di-khaskan untuk memberi bekalan electric di-Residency dan Istana, kata Jurutera Electric Negeri, Tuan S. Rajaratnam.

Bekalan electric itu dengan perlahan2 di-sampaikan kepada pejabat kerajaan dan rumah2 kerajaan. Akhir-nya rumah2 orang ramai pula mendapat bekalan electric.

Tenaga electric di-Bandar Brunei mungkin di-tambah lagi dalam tahun hadapan. Ini adalah untuk menyambut keperluan rumah sakit baharu yang sedang di-ranchangkan itu.


Apabila rumah sakit besar yang berharga \$9 juta itu siap kelak ia akan berkehendakkan tenaga electric yang besar pula dan generator yang akan mengeluarkan 2,000 kilowatt lagi mungkin di-pasang di-Bandar ini.

Pusat electric di-Bandar Brunei bukan dikhaskan untuk membekalkan rumah2 dalam kawasan bandar sahaja dengan electric. Tenaga electric itu sedang di-salurkan ka-kampong2 melalui cable2, atau kawat di-bawah tanah.

Sekarang kampong yang sa-jauh tujuh batu dari Bandar di-Jalan Muara dan Jalan Tutong telah pun membuang lampu2 minyak-nya dan mula mendapat bekalan electric.

Untuk menjamin supaya tenaga electric itu tidak berkurangan oleh sebab jauh dari pusat beberapa buah transformer telah di-bena di-tempat2 yang di-tentukan.

Transformer itu ia-lah sa-jenis jentera yang menguatkan sa-mula tenaga electric yang telah le-



Di-atas, beberapa buah transformer telah di-dirikan di-tepi2 jalan yang menghubungkan pusat electric Bandar Brunei dengan kampong2. Transformer2 itu ia-lah untuk menguatkan tenaga electric. Gambar di-bawah, ini menunjukkan pekerja2 Pejabat Electric Brunei menggali parit supaya cable atau kawat electric di-bawah tanah itu dapat di-tanamkan kelak.



mah oleh sebab terlalu jauh di-salurkan dari pusat.


Sungguh pun demikian tenaga electric yang di-salurkan dari pusat electric di-Bandar Brunei itu hanya boleh di-sampaikan ka-kampong2 yang sakan jauh-nya dari pusat.

Untuk menjamin supaya kampong2 yang terpenchil sama mendapat kemudahan electric, pejabat itu telah menhadangkan supaya beberapa buah jentera electric yang berjalan dengan sendiri-nya di-pasang di-kampong2.


Jentera itu di-namakan "unattended power station" atau pusat electric yang tidak di-jaga. Dua buah unattended power station akan di-dirikan sa-belum hujung tahun ini, satu di-Temburong dan satu lagi di-Tutong.

Temburong dan Tutong telah pun mendapat bekalan electric

(Lihat muka 8)



Pusat electric Bandar Brunei sedang di-perbesarkan untuk menyambut perkembangan electric



Atas : Pemandangan dalam power station. Pekerja2 sedang giat menjalankan tugas masing. Kanan : Sa-buah generator besar.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei
RABU, 5 AUGUST, 1959.

**P E R T A D B I R A N
D I - T A N G A N R A ' A Y A T**

Sa-belum penghujung bulan September yang akan datang ini Duli Yang Maha Mulia ada-lah di-jangka mengisytiharkan bentuk perlembagaan baharu Negeri Brunei yang telah di-rangka di-sini berikutan dengan keputusan2 yang di-chapai dalam perundingan perlembagaan yang di-adakan di-London antara rombongan perlembagaan Brunei yang di-ketuai oleh baginda sendiri dan wakil2 Kerajaan British.

Harapan bahawa perlembagaan itu akan di-kuatkuasakan dalam tahun ini terbit dari pemashhoran bersama yang di-umumkan di-London sa-telah rundingan yang berjalan hampir dua minggu itu tamat pada 6 April lepas. Pemashhoran itu menegakkan bahawa perlembagaan itu akan di-isytiharkan dan di-kuatkuasakan dalam masa enam bulan dari 1 April.

Perlembagaan itu ada-lah di-rangka kerana kebahagiaan dan kesempurnaan negeri dan ra'ayat dan untuk mencapai chita2 suci murni itu Duli Yang Maha Mulia dalam majlis2 jamuan yang di-adakan kerana menyambut kejayaan rombongan perlembagaan itu sentiasa mengingatkan ra'ayat bahawa mereka akan terpaksa memikul tanggung jawab yang lebeh berat kerana sa-baik sahaja pelembagaan itu di-kuatkuasakan pertadbiran negeri akan di-serahkan kepada anak negeri kechuali hal ahwal pertahanan dan perhubungan dengan negeri2 luar yang akan di-selenggarakan oleh wakil kerajaan British yang di-gelar High Commissioner atau Pesuruh Jaya Tinggi. Beliau akan bertempat di-Brunei tetapi tidak berkuasa champagne dalam perjalan pertadbiran negeri.

Beberapa buah majlis2 perwakilan akan di-tubuhkan kelak. Majlis Meshuarat Negeri yang akan mengandungi lebeh ramai ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat melalui pilehan2 raya Majlis2 Meshuarat Daerah.

Majlis Meshuarat Negeri itu akan di-beri tugas membuat undang2 menetapkan chukai dan meluluskan perbelanjaan negeri kerana kebahagiaan ra'ayat. Ini berma'ana nasib ra'ayat bagi masa yang akan datang akan terpulang kepada ra'ayat sendiri menyenggarakan-nya mengikut kebijaksanaan ra'ayat memilih wakil2 mereka yang akan menduduki kerusi2 majlis itu

Dan bagi menerangkan kepada ra'ayat kelak akan kuasa2 ra'ayat memilih wakil2 mereka itu beberapa orang pegawai2 pertadbiran negeri akan di-hantar ka-Tanah Melayu tidak lama lagi untuk memerhatikan pilehan raya negeri Persekutuan Tanah Melayu.

PERHUBONGAN SEJAK KURUN 15

Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan2 baginda telah menegaskan bahawa perhubungan Brunei dengan Melayu itu bukan-nya sebutan2 mulut yang baharu di-zahirkan sa-hari dua dan bukan-nya sa-tahun dua.

Perhubungan itu telah ber-kurun lama-nya dari pemerentahan Awang Alak Betatar, Raja yang menguasai Negeri Brunei pada awal kurun yang kelima belas.

Baginda telah menjalin perhubungan persaudaraan dengan Melayu berikutan dengan pelayaran baginda ka-Melaka tidak lama sa-telah menaiki takhta kerajaan Negeri Brunei.

Tujuan baginda berangkat ka-Melaka itu ia-lah hendak memilih sa-orang isteri. Akhir-nya baginda telah berkahwin dengan sa-orang puteri Ratu Melaka.

Mengikut sejarah Brunei, karangan Yura Halim Jamil Umar baginda telah berangkat balek ka-Brunei dengan mendapat gelaran Sultan Mohammad yang pertama dari pada Ratu Melaka, Sultan Mohammad Shah.

Sa-bagai menghormati perangkatan Sultan Mohammad balek ka-Brunei Sultan Melaka telah memerintahkan supaya 40 orang Melaka mengiringkan puteri baginda ka-Brunei.

Apabila sampai di-Brunei orang2 Melaka itu telah di-beri rumah dan di-tempatkan di-sabuh kampung yang di-namakan Kampong Burong Pinggai.

Nyata-lah dari sejarah bahawa bukan sahaja Brunei mempunyai perhubungan persadaraan yang rapat dengan Melayu tetapi kedua buah negeri itu mempunyai agama yang sama.

Sultan Mohammad Shah atau Permaisura ia-lah Raja Melaka yang pertama memelok agama Islam dan bagi Awang Alak Betatar mendapat gelara Sultan Mohammad yang pertama daripada Sultan Melaka ada-lah jelas bahawa Raja Brunei itu telah juga memelok agama Islam.

Tetapi perhubungan Brunei dengan Melaka ada-lah sa-chara persahabatan antara keluarga sahaja. Perhubungan itu telah berjalan dengan rukun dan damai.

Yura Halim Jamil Umar menerangkan lagi dalam Sejarah Brunei bahawa persahabatan Brunei dengan Melaka itu telah dapat di-saksikan beberapa tahun kemudian dalam pemerentahan Sultan Sharif Ali. Sultan Brunei yang ketiga.

Baginda memerintah kira2 dalam pertengahan kurun yang kelima belas.

Dalam pemerentahan Sultan

Sharif Ali suatu angkatan dari Melaka ka-Benua China telah bias ka-Brunei di-sebabkan oleh angin besar.

Angkatan Melaka itu di-ketuai oleh Tun Telanai dan Menteri Jana Putera. Mereka telah naik ka-darat lalu mengadap Sultan Brunei menyembahkan hal pelayaran mereka.

Peri baik-nya perasaan muhibbah di-antara Brunei dengan Melaka pada zaman itu ada-lah terchatet dalam sejarah Melayu.

Sultan Brunei yang di-kenal di-Melaka dengan nama Sang Aji Brunei itu telah berseloka dengan Menteri Jana Putera dan Tun Telanai dalam pertemuan itu saperti berikut :

"Telah di-dengar oleh Sang Aji Brunei, maka di-suroh-nya panggil oleh baginda. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun datang mengadap Raja Brunei.

"Maka kata Raja Brunei pada Menteri Jana Putera, 'Apa bunyi surat Raja Melaka pada Raja China?'. Maka sembah Tun Telanai, 'Sambah sahaya Raja Melaka, datang kepada paduka ayahanda Raja China.

"Maka kata Raja Brunei, 'Berkirim sembah-kah Raja Melaka pada Raja China?'. Maka Tun Telanai pun diam. Maka Menteri Jana Putera berkisar ka-hadapan, sembah-nya :

"Tiada tuan paduka ayah-

anda berkirim sembah kepada Raja China, kerana erti sahaya itu kepada bahasa Melayu 'hamba' maka di-buboh sembah sahaya Raja Melaka, ya-ni patek sakalian yang berkirim sembah itu bukan-nya paduka ayahanda.

"Telah datang musim akan pulang maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun bermohon-lah pada Sang Aji Brunei hendak kembali ka-Melaka. Maka Raja Brunei pun berkirim surat ka-Melaka.

"Sa-telah itu maka Tun Telanai dengan Menteri Jana Putera pun kembali-lah. Telah sampai ka-Melaka, maka surat dari Raja Brunei itu di-persembahkan kepada Sultan Mansor Shah dan segala peri hal ahwal semua-nya di-katakan-nya.

"Maka terlalu sukachita baginda mendengar dia".

Ada-lah juga di-katakan dalam satengah2 sejarah bahawa Brunei akhir-nya membayar ofti kepada Melaka sa-telah Kerajaan Majapahit jatuh.

Sungguh pun Kerajaan Melayu Melaka pada masa itu besar dan kembang tetapi tiada-lah di-dapati bukti yang boleh membenarkan bahawa Brunei pernah menjadi jajahan itu.

Sejarah tidak menyebut perhubungan Brunei dengan Melaka lagi melainkan dalam kurun yang kedua puloh ini apabila keluarga diraja Brunei mengadakan perhubungan persaudaraan lagi dengan keluarga diraja Melayu.



Di-atas: Makam Sultan Bolkih atau Nakhoda Ragam, Sultan Brunei yang kelima dalam zaman gemilang kira2 5 kurun dahulu yang telah di-jahanamkan oleh orang2 Sepanyol dalam Perang Kestela dalam T.M. 1576. Makam ini di-jaga dan dibersehhkan dan di-kunjongi ra'ayat sa-tiap hari.

Kaum China mengambil berat dalam hal ekonomi

KUALA BELAIT. — Kejayaan rombongan perlembagaan Brunei dalam perundingan perlembagaan yang di-adakan di-London dalam bulan March dan April yang lalu telah di-alu2kan oleh kaum China daerah Belait/Seria dalam satu majlis jamuan makan malam di-sini pada malam Ahad lepas.

Duli Yang Maha Mulia ketua rombongan tersebut telah berangkat ka-Kuala Belait kerana hadir dalam majlis tersebut.

Baginda telah di-iringi oleh pembesar2 negeri dari Bandar Brunei termasuk Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan British Resident, Yang Berhormat Tuan D.C. White.

Kaum China itu telah juga mengucapkan keshukoran mereka atas kurnian bintang2 kebesaran Tanah Melayu kepada baginda.

Dalam ucapan keshukornya Pengerusi Dewan Perniagaan China, Belait telah mengambil kesempatan menyampaikan ikrar ta'at setia kaum China kepada Duli Yang Maha Mulia dan Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah membalas ucapan itu sa-chara ringkas.

Di-antara lain2 baginda bertitah : —

Orang2 China di-Negeri Brunei ini terutama di-Daerah Belait dan Seria ada-lah sangat2 mengambil berat dalam hal per-ekonomian.

"Kemajuan dan kejayaan tuan2 dalam lapangan tersebut ada-lah menjadi bukti, yang mana tuan2 telah dapat memberi bantuan kerjasama bagi memajukan Negeri Brunei ini.

"Saya perchaya tuan2 sentiasa berada dalam kesejahteraan dan keamanan dan mendapat layanan yang memuaskan dari Kerajaan Brunei sa-bagai yang tuan2 akui, bahawa sungoh pun tuan2 maseh merasa sa-bagai bangsa asing tetapi tuan2 menganggap Brunei ini sa-bagai Tanah Ayer tuan2 sendiri.

"Saya penoh keperchayaan bahawa Kerajaan Brunei akan sentiasa bertimbang rasa kepada semua penduduk2 yang ta'at setia

Ra'ayat akan di-banchi

BANDAR BRUNEI. — Banchi penduduk2 negeri ini akan di-adakan dalam tahun hadapan. Banchi penduduk2 yang akhir di-ambil ia-lah dalam tahun 1947.

Banchi itu akan menyatakan jumlah penduduk2 negeri dan akan menyatakan apa-kah bangsa2 yang mendudoki sa-suatu daerah.

Pekerjaan akan juga di-terangkan, demikian juga chorak perusahaan2 yang di-jalankan di-sa-suatu daerah.

Sa-lain dari itu jumlah rumah akan di-ketahui dan juga bilangan orang2 yang tinggal sementara di-negeri ini.

reka dengan sa-chara ikhlas dan jujur.

"Dengan ada-nya perasaan saling mengerti dari segala bangsa dan penduduk yang ta'at setia di-Negeri Brunei ini, mudah2an dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, keamanan dan kemakmoran Negeri ini akan bertambah2 lagi dan raayat seluruh-nya akan sentiasa hidup bahagia.

Baginda berharap moga2 Negeri Brunei yang kecil ini akan kekal dengan gelaran-nya Darus-salam serta dengan ra'ayat yang patoh dan jujur, supaya, terhindar sakalian peduduk2nya dari anasir2 yang merachun keamanan.

biar apa bangsa sa-kali pun.

Sa-lanjut-nya baginda berkata : —

"Saya berharap orang2 China yang penoh faham akan maksud baik kerajaan itu akan terus bergiat dan memberi kerjasama me-

KERABAT DIRAJA BELAIT-SERIA RAIKAN AHLI2 ROMBONGAN

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia telah mengingatkan ra'ayat negeri ini supaya chinta pada tanah ayer dan bangsa untuk mendapatkan kebahagiaan dan kesentosaan.

Ini telah di-ucapkan oleh baginda dalam majlis jamuan teh yang di-adakan oleh kerabat2 Diraja di-Kuala Belait pada petang sabtu lepas sa-bagai mengucapkan keshukoran mereka atas kejayaan rombongan perlembagaan dalam perundingan di-London dalam bulan March dan April lepas, dan kurnian bintang2 kebesaran Tanah Melayu kepada

akan sentiasa menyertai keikhlasan dan kebenaran kita.

Pengiran2 sakalian ada-lah juga menjadi gulungan ra'ayat yang penoh ta'at dan menchintai Negeri Brunei ini, maka ada-lah kewajipan ra'ayat sakalian memelihara kebahagiaan dan kemuliaan hak ra'ayat.

"Ini berma'ana-lah bahawa tanggung jawab ra'ayat sakalian bertambah berat dan terpaksa-tanggung jawab diri masing2 terhadap bangsa dan tanah ayer-nya.

"Jika tidak dengan demikian hilang-lah rasa kaseh sayang ter-



Pengiran Puteh kelihatan memberi ucapan dalam jamuan itu.

baginda.

Antara lain2 baginda berucap :

"Kejayaan yang telah di-dapati oleh rombongan itu ada-lah kejayaan ra'ayat Negeri Brunei, dengan sebab itu segala tahniah dan sanjongan, kerana itu sa-benar-ny ra'ayat-lah yang sa-pat-nya menerima.

"Dengan berhasil-nya perundingan dan apabila terbentok perlembagaan Negeri Brunei, negeri tuan2 sakalian ini, ada-lah berma'ana kebahagiaan dan kesentosaan bagi ra'ayat sakalian.

"Terima-lah kejayaan itu dengan ikhlas dan shukor, mudah2an Allah Subhanahu Wataala

hadap yang di-chintai, kata orang, "Sebab ta' kenal maka ta' chinta".

Untuk mengenali kewajipan diri masing2 supaya dapat menchintai yang di-kasehi, ia-itu tanah ayer dan bangsa, Pengiran2 sakalian hendaknya sedar, bahawa zaman ini bukanlah zaman yang di-kuasai oleh sesuatu yang sa-mata2 kuat di-tangan dan tegap di-badan tapi zaman ini ia-lah zaman kemajuan dan kesedaran yang di-badan oleh otak yang sehat, oleh tangan yang lemah lembut dan oleh kelakuan, sopan santun, dan tutur kata serta budi bahasa yang baik.

PENDERMA2 DARAH DI-RUMAH SAKIT

BANDAR BRUNEI. — Penderma2 darah sama ada dari bangsa Melayu, China, Indian dan Eropah ada-lah sangat2 di-kehendaki oleh rumah sakit Brunei kerana hendak memberi darah kepada orang2 yang menghidap penyakit dada yang akan di-belah tidak lama lagi.

Satu rombongan yang terdiri dari tujuh orang pakar2 penyakit dada yang di-ketuai oleh sa-orang doktor belah dari Melbourne, Australia telah di-jemput datang ka-sini oleh Kerajaan untuk membelah orang2 yang menghidap penyakit tersebut.

Mereka itu di-jangka sampai di-sini pada 22 hari-bulan ini kerana menjalakan pembelahan2 itu.

Jika pembelahan itu hendak berjaya darah ada-lah di-kehendaki untuk menggantikan darah orang2 yang akan di-belah itu.

Pada masa ini simpanan darah di-rumah sakit sangat kurang untuk menemui kechemasan, kata sa-orang juruchapak Pejabat Perubatan Brunei.

Pegawai2 menjadi pemerhati

BANDAR BRUNEI. — Delapan orang pegawai2 kerajaan Brunei akan berlepas ka-Malaya tidak lama untuk memerhatikan chara2 Tanah Melayu menjalakan pilihan raya dalam bulan August.

Mereka itu akan tinggal di-Kuala Lumpur beberapa hari dan akan di-beri kesempatan melawat kawasan2 pilihan raya Persekutuan Tanah Melayu.

Pegawai2 yang akan pergi itu di-Ketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar, Penolong Resident Belait.

Ahli rombongan itu terdiri dari : —

Tuan McAfee, Pengiran Momin, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Puteh, Penolong Pegawai Penerimaan, Inche Salleh Kadir, Penolong Pegawai Penerimaan, Yang Berhormat Pengiran Ahmad, Pegawai Daerah Temburong, Inche Abdul Manan dari Tutong dan Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib, Pejabat Pelajaran Brunei.

Melayu jauh tertinggal dalam kekayaan bahasa

BANDAR BRUNEI. — Dewan Bahasa dan Pustaka Tanah Melayu telah membuat chogan-nya, "Bahasa Jiwa Bangsa". Ini harus telah di-petek dari keindahan pepatah bahasa orang tua2, "Bahasa menunjokkan Bangsa."

Bahasa jiwa bangsa bukan-lah sa-kadar bererti bahawa ia akan menjadi ukoran tinggi rendah darjah sa-sutu bngsa itu, malah maksud chogan ada-lah lebeh dalam dan lebar dari pengertian yang saya katakan.

Bahasa itu ada-lah gambaran dari jiwa akal dan ikhlah sa suatu bangsa sebab bahasa itu adalah himpunan dari kata2 yang membayangkan segala macam perasaan yang pernah di-alami oleh jiwa sa-suatu bangsa sama ada fikiran yang terlintas dalam akal atau segala jenis pendapat yang di-dapati dalam kehidupan..

Sa-tengah ahli bahasa pula memperkatakan bahawa bahasa itu "akal sa-suatu bangsa."

Jika hendak mengetahui mutu jiwa sa-suatu bangsa itu, ia-itu sama ada sempit atau luas akal-nya, dalam atau dengkal pengalaman hidup-nya, halus atau kasar ikhlah-nya, dapat-lah di-ukorkan dari khazanah2 kata penuturan yang di-gunakan oleh bangsa itu.

Dengan jalan menatap kamus2 yang di-punayi oleh bangsa itu, dapat-lah kita mengukur jiwa, akal dan ikhlah mereka.

Segala gambaran yang terdapat dalam kamus sa-suatu bangsa itu kelak, menjadi ukoran sama ada bangsa itu sudah mempunyai jaminan akal yang besar atau tidak, kerana akal dan fikiran itu ada-lah pendapat dari pemerasan otak yang telah di-dapati dari fikiran itu.

Jika bangsa itu dapat berfikir dengan luas dan tepat, itu adalah menunjokkan bahawa bangsa itu telah kaya dengan bahasa-nya.

Sa-lanjut-nya dari penuturan kata2 bahasa juga dapat di-kenal sikap keistimewaan sa-suatu bangsa.

Perkataan "kinrohoshi" dalam bahasa Jepun dan "bergotong royong" dalam bahasa Indonesia memberi maana bahawa bangsa2 itu sentiasa bekerja sama dan bantu membantu dalam segala lapangan.

Perkataan "tidakkan Melayu hilang di-dunia" yang pernah di-ucapkan oleh hulubalang Melaka ia-itu Laksamana Hang Tuah juga merupakan bahawa bangsa Melayu akan hidup sa-lama2-nya.

Demikian juga dengan kata2 "pantang anak Melayu derhaka" yang pernah di-ucapkan oleh Bendahara Melaka dapat-lah di-ertikan bahawa bangsa Melayu itu sentiasa ta'at dan patoh dalam adat isitiadat beraja.

Sa-terus-nya jika kita buka lambaran sejarah bahasa2 dunia, yang kaya dengan filasafah2 bahasa ia-lah bangsa Greek dan pe-

nyaer yang tertua sa-kali berasal dari bangsa Arab.

Kita bangsa Melayu tidak mengaku bahawa bangsa kita telah kaya dengan bahasa-nya. Orang luar dapat mengukur dengan senang bahawa bangsa Melayu maseh jauh tertinggal lagi dalam sa-genap jurusan, baik ilmu pengetahuan atau kepandaian manusia dalam zaman moden ini.

Kalau dari bahasa dapat di-ukur tinggi rendah jiwa sa-suatu bangsa, maka dari bahasa juga dapat di-ukur peribadi-nya, baik jiwa sa-orang penyaer atau sa-orang sasterawan.

Gaya tulisan sa-saorang pengarang itu ada-lah mengikut lagu jiwa-nya di-kala ia mengarang. Segala mudzo' karangan-nya akan di-pileh oleh jiwa-nya agar bersesuaian dengan apa-kah nanti isi tulisan kerana segala isi karangan-nya itu-lah yang akan menggambarkan warna peribadi-nya. — M. Samsinah.

Orang tua pengsan di-jalan

SERIA. — Sa-orang Indian, Manikum berumur 60 tahun telah pengsan di-jalan di-sini pada 28 July dan telah mati sa-belum sempat di-bawa ka-rumah sakit.

Penyiasatan atas kematian itu akan di-adakan.

KEHANDALAN WANITA BRUNEI DALAM SUKAN TIGA NEGERI

SERIA. — Sa-orang wanita dari Brunei telah berjaya mengatasi rekod kerana pertandingan membalik piring besi yang di-adakan di-Kuching pada hujung bulan lepas.

Dalam temasha sukan negeri2 kawasan British Borneo ia-itu Brunei, Sarawak, dan Borneo Utara, Innei Sibidol dari Seria, Brunei telah memecahkan rekod membalik piring besi antara peserta2 wanita.

Innei telah membalikkan piring itu sa-jauh 92 kaki dan telah memecahkan rekod lama sa-jauh 87 kaki 6 inchi. Rekod lama itu telah di-buat oleh Innei juga.

Innei telah jatuh nombor dua dalam pertandingan membalik peluru antara wanita.

Satu hadiah lagi telah di-mengangi oleh Innei apabila ia jatuh nombor tiga dalam pertandingan membalik lembing.

Benchana dari jodoh yang tidak sa-suai

BANDAR BRUNEI. — Biar mati anak jangan mati adat. Tetapi dengan perubahan zaman adat ibu bapa mencharikan jodoh anak-nya itu pada masa ini terpulang kepada anak2 itu sendiri.

Sungguh pun ada ibu bapa yang maseh perpegang kuat pada keistimewaan mereka memilehkan jodoh anak-nya tetapi kebanyakannya telah menyedari bahawa pilihan itu berkesudahan dengan kochar ka-chir.

Mereka telah menukar adat itu dan membenarkan anak2 memileh jodoh untuk di-persetujukan oleh ibu bapa.

Memileh jodoh sendiri tidak sa-mesti-nya selamat dan sempurna. Ada kalanya pilihan itu menjadi korban dengki dan permusohan.

Untuk menjauhi benchana ini ibu bapa perlu di-bawa berunding supaya jangan terpengaruh oleh kata2 "di-mana ada cinta di-situ-lah ada bahagia."

"Cinta itu buta" tetapi biar-lah buta mata jangan buta akal sa-hingga tidak mahu mendapatkan nasihat dan tidak mahu berunding dengan ibu bapa.

Dari kata2 orang tua2 yang di-atas itu ada-lah jelas bahawa keselamatan dan hidup suami isteri itu bergantung kepada muafakat dan bersafamahan.

WANITA JUGA BERBAKAT DALAM ILMU MENGARANG

(Oleh MALA MAS)

BANDAR BRUNEI. — Tuduhan bahawa kaum wanita lemah dan sanggup di-cherok dapor sahaja adalah di-nafikan oleh wanita yang chintakan kemajuan dan memuliakna kebolehan serta darjat ketinggiannya taraf wanita.

Pada masa ini kaum wanita sama berkebolehan dengan kaum laki2 sama ada dalam pelajaran, sukan, sosial dan sa-bagai-nya.

Tetapi maseh ada lagi kekurangan yang besar bagi kaum wanita ia-itu dari segi kesusasteraan. Kekurangan itu mungkin lenyap tidak lama lagi sama-lah saperti lenyap-nya anggapan terhadap kerendahan kaum wanita di-zaman jahiliah dahulu.

Jika di-bandingkan dengan kemajuan yang telah di-chapai oleh kaum laki2 kaum wanita maseh ketinggalan jauh di-belakang dalam jurusan karang mengarang.

Di-Brunei ini belum ada lagi wanita yang menjadi pengarang yang dapat memberikan hasil chiptaan-nya saperti pengarang2 wanita bangsa asing.

Untuk menchapai kejayaan dalam lapangan tersebut kita mesti menjauhkan rasa putus harap dalam berusaha mengarang walau pun banyak karangan2 kita itu tidak di-hargai orang.

Jika kita tekun mengarang kajayaan akan terchapai kerana "bulat ta'kan datang bergolek dan nipis ta'kan datang melayang" dan jangan-lah pula lekas lemah kerana bidasan2 orang.

Bidasan2 itu memberi ma'ana bahawa karangan perchubaaan itu telah mendapat perhatian dan hendak-lah di-terima dengan ikhlah dan di-jadikan perangsang.

Kaum wanita hendak-lah juga menolak tudohan2 bahawa wanita tidak berbakat untuk mengarang. Bukti-nya telah ada bahawa wanita juga ada kebolehan mengarang.

Di-Sepanyol kaum wanita-lah yang meninggikan taraf kesusasteraan bangsa-nya. Pengarang2 wanita telah beberapa kali mendapat hadiah kerana karangan2 yang di-keluarkan di-negeri tersebut.

Dalam tahun 1944 mithal-nya, Carem Laforet telah merebut hadiah pengarang dengan buku-nya "Nathing Nada" dan dalam tahun 1950 pula hadiah itu di-mengangi oleh Eleno Quiriroga dengan buku-nya "Angin dari Utara".

Sa-lain daripada pengarang2 wanita ini ramai lagi pengarang2 wanita yang mashhor yang terkenal dengan persajakan, novel, roman dan sandiwara kanak2.



Puan Innei Sibidol

Pasokan Brunei pechahkan tiga rekod sukan tiga kawasan

KUCHING. — Tiga rekod baharu telah di-buat oleh ahli2 pasokan sukan Brunei yang mengambil bahagian dalam sukan seluroh kawasan Borneo British yang di-adakan di-sini baharu2 ini.

Rekod2 baharu itu ia-lah dalam pertandingan membaling piring besi dan membaling lembing bahagian laki2. Satu rekod lagi ia-itu dalam pertandingan membaling piring besi bahagian wanita telah di-pechahkan oleh Innie Sibidol.

Borneo Utara telah sa-kali lagi lagi menjadi johan dalam pertandingan sukan tersebut. Sarawak telah menjadi naib johan dan diturut oleh Negeri Brunei yang hanya mendapat 32 mata sahaja.

Gabnor Negeri Sarawak, Sir Anthony Abell telah membuka pertandingan sukan itu di-hadapan ramai para pemain dan peminat2 sukan.

Borneo Utara telah mendapat 74½ mata, ia-itu 49½ mata bahagian laki2 dan 25 mata bahagian perempuan.

Sarawak telah mendapat 46½ mata, ia-itu 30½ mata bahagian laki2 dan 16 mata bahagian perempuan.

Mata yang di-dapati oleh Negeri Brunei ia-lah 22 mata bahagian laki2 dan 10 mata bahagian perempuan.

Dalam pertandingan membaling piring besi, A. Sibidol telah membaling sa-jauh 115 kaki 3 inchi, ia-itu mengatasi rekod Borneo British yang lama sa-jauh 112 kaki 4 inchi yang di-buat oleh Sibidol sendiri.

Dalam pertandingan membaling lembing, A. Sibidol telah membaling sa-jauh 169 kaki 5 inchi, manakala rekod Borneo British yang lama, di-lakukan oleh Sibidol sendiri ia-lah sa-jauh 165 kaki 9 inchi.

Innie Sibidol, anak perempuan A. Sibidol telah berjaya mengatasi rekod-nya yang lama dalam pertandingan membaling piring besi. Innie telah membaling sa-jauh 92 kaki 7 inchi dan rekod-nya yang lama ia-lah 87 kaki 6 inchi.

Kesemua-nya 12 rekod yang baharu telah dapat di-atasi dalam pertandingan sukan seluroh Borneo British di-Kuching itu. Borneo Utara telah membuat 8 rekod baharu, ia-itu 5 rekod bahagian laki2 dan 3 rekod bahagian perempuan. Negeri Brunei 3 rekod, ia-itu 2 rekod bahagian laki2 dan 1 rekod bahagian perempuan.

Sarawak telah hanya dapat membuat satu rekod baharu, oleh Leong Chin Hin dalam pertandingan lompat tinggi bahagian laki2.

Leong telah melompat satinggi 6 kaki, mengatasi rekod lama 5 kaki 10 inchi yang di-buat oleh T. K. Lim dari Borneo Utara.

26 PASOKAN SENAMAN DAERAH BERTANDING

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh enam pasokan murid2 sekolah2 Melayu di-jangka akan mengambil bahagian dalam perlawanan senaman dan permainan bagi sekolah2 Melayu di-daerah Brunei dan kawasan Bandar Brunei.

Perduan tersebut akan di-adakan di-padang besar di-sini pada 11 haribulan akan datang, untuk memilih johan2 daerah kerana mengambil bahagian dalam perlawanan senaman dan permainan seluroh negeri.

Pertandingan senaman dan permainan sekolah2 seluroh Negeri Brunei itu akan di-adakan pada akhir bulan September tahun ini.

Peraduan antara sekolah2 di-daerah Brunei itu akan di-buka dengan pertunjukan senaman pada sa-belah pagi dan sukan pada sa-belah petang.

Antara pasokan2 yang mengambil bahagian itu sekolah2 perempuan akan mengemukakan

enam pasokan. Pasokan2 itu terdiri dari murid2 sekolah2 Melayu Raja Isteri Fatimah, Sekolah Melayu Berakas, Sekolah Melayu Gadong dan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

Pada tahun lepas hanya 22 pasokan sahaja mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut termasuk empat pasokan murid2 perempuan.

Empat pasokan baharu dalam pertandingan tahun ini terdiri dari pasokan2 murid2 perempuan dari sekolah RIF dan Gadong dan pasokan murid2 laki2 dari SMJA dan sekolah baharu Sekolah Melayu Katimahar, Batu 13 Jalan Tutong.

Perlawanan2 ada-lah di-bahagi kepada dua bahagian ia-itu bahagian murid2 laki2 dan bahagian murid2 perempuan.

Buku panduan untuk pemain

BANDAR BRUNEI. — Sebuah buku panduan kepada pemain2 dan referee bola sepak telah di-pesan oleh Pejabat Pelajaran Brunei untuk di-chetak dalam bahasa Melayu.

Chetak itu ia-lah dengan kebenaran Persatuan Bola Sepak, Britain.

KEPUTUSAN PENOH SUKAN NEGERI2 BORNEO BRITISH

KUCHING.—Sukan seluroh kawasan Borneo British yang di-langsungkan di-Padang Sukan Jubilee di-sini pada 24 dan 25 July itu telah di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu laki2 dan perempuan.

Keputusan penoh pertandingan tersebut ia-lah saperti berikut :
Bahagian laki2

Lari 100 ela: 1. Drum Major Gabuh (Borneo Utara). 2. Joseph Lee (Sarawak) 10.5 saat. Lari 880 ela: 1. Ajaib Singh Lari 220 ela: 1. Kadam Kiai (Sarawak). 2. P.C. Kuda (Sarawak). Lari 440 ela: 1. Lim Pui Ho (Borneo Utara). 2. Henry Higgins (Sarawak) 54.9 saat. Maan (Borneo Utara) 2. Thomas Banding (Borneo Utara) 2 minit 4.8 saat — Rekod baharu.

Lari sa-batu: 1. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara) 2. Salleh Abdul Wahab (Sarawak) 3. Grambeth (Sarawak). Masa-nya 4 minit 38.9 saat. Rekod baharu. Lari tiga batu: 1. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara) 2. Jaffar Awang Besar (Brunei) 3. Surjit Singh Gill (Borneo Utara). Masa-nya 16 minit 11.2 saat. Rekod baharu.

Lomba lari 120 ela lompat pagar: Ahmad Kreaah (Borneo Utara dan Suap Arif (Sarawak) telah mendapat gelaran yang pertama di-turut oleh Amoi (Borneo Utara).

Lomba lari 440 ela lompat pagar: 1. Karam Singh Maan (Borneo Utara) 2. Patrick Harry (Brunei).

Lompat jauh: 1. Drum Major Gabuh (Borneo Utara) 2. Joseph Lee (Sarawak) 23 kaki 4½ inchi rekod baharu. Lompat kijang: 1. Drum Major Gabuh (Borneo Utara) 2. Sium bin Diau (Borneo Utara) 49 kaki 9 inchi — rekod baharu.

Lompat tinggi: 1. Leong Chin Hin (Sarawak) 2. P. C. Peter Paut (Borneo Utara) 6 kaki rekod baharu. Lompat bergalah: 1. Joseph Chua (Sarawak) 2. George Chong (Brunei).

Membaling peluru: 1. A. Sibidol (Brunei) 2. Ugang Lajangan (Borneo Utara). Membaling piring besi: 1. A. Sibidol (Brunei) 2. Soh Thiam Choi (Borneo Utara) 115 kaki 3 inchi —rekod baharu.

Membaling lembing: 1. A. Sibidol (Brunei) 2. Kopal Gubal (Borneo Utara) 169 kaki 5 inchi. Rekod baharu. Lomba lari 440 ela berganti2: 1. Sarawak 2. Borneo Utara.

Lomba lari 1760 ela berganti2: 1. Borneo Utara 2. Sarawak.

Bahagian perempuan

Lomba lari lompat pagar 80 meter: 1. Emily Mathews (Borneo Utara) 2. Rosalind Anding (Sarawak) 13.2 saat — rekod baharu. Lomba lari 100 ela: 1. Lau Suan Lin (Sarawak) 2. Chen Li Na (Sarawak).

Lomba lari 220 ela: 1. Lau Suan Lin (Sarawak) 2. Elizabeth Yong. Lompat jauh: 1. Chen Li Na (Sarawak) 2. Fung Soon San (Borneo Utara).

Lompat tinggi: 1. Elizabeth Lim (Borneo Utara) 2. Fung Soon San (Borneo Utara). 4 kaki 10 inchi. Rekod baharu. Membaling peluru: 1. Fung Soon San (Borneo Utara) 2. Innie Sibidol (Brunei) 28 kaki 6½ inchi. Rekod baharu.

Membaling piring besi: 1. Innie Sibidol (Brunei). 2. Chia Fui Yun (Borneo Utara) 92 kaki 7 inchi. Rekod baharu. Membaling lembing: 1. Chiew Kwan Mei (Brunei) 2. Fung Soon San (Borneo Utara). Lomba lari berganti2 440 ela: 1. Borneo Utara. Sarawak di-kira kalah kerana melanggar peraturan. Brunei tidak mengambil bahagian.

Pertandingan badminton antara sekolah2

BANDAR BRUNEI. — Satu pertandingan badminton antara sekolah2 di-seluroh Negeri Brunei akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Pertandingan itu akan di-adakan menurut dasar pertandingan badminton sadunia, mengandongi 5 perlawanan sa-saorang dan 2 perlawanan dua orang.

Berhubung dengan pertandingan tersebut, Tuan Wong Kah Long dan Tuan Wong Kah Chye, dua orang saudagar2 yang terkenal di-sini, telah pun menghadiahkan sa-buah piala perak untuk di-pertandingan di-antara sekolah2 tersebut.

Piala itu akan di-namai "Wong Trophy".

Perikatan lancharkan gerakan membersehh

PULAU PINANG. — Tengku Abdul Rahman, ketua Parti Perikatan yang berkuasa di-Persekutuan Tanah Melayu telah berkata di-sini baharu2 ini bahawa parti-nya telah melancharkan satu gerakan membersehh berikutan dengan tudohan2 yang di-buat oleh parti2 pembangkang di-kampong2.

Beliau berkata bahawa Parti Perikatan akan melantek beberapa orang pegawai di-tiap2 kawasan pilihan raya Persekutuan.

Pegawai2 itu pula akan melantek pekerja2 untuk mengunjongi tiap2 rumah dalam kampong. Tugas mereka ia-lah bertanya kepada orang2 kampong apa-kah yang telah di-katakan oleh pehak pembangkang dan lepas itu memberi penerangan yang sa-benarnya.

Tengku Abdul Rahman telah juga berkata bahawa dalam menjalankan gerakan pilihan raya beliau telah mendapati bahawa Parti Islam Sa-Malaya telah menggunakan ugama kerana menaikkan semangat dan perasaan orang2 Melayu.

Wakil2 parti Islam Sa-Malaya itu, kata beliau telah mengunjongi kampong2 menyebarkan tudohan2 palsu.

Mereka itu telah menuduh bahawa Tengku telah menjual ne-

geri kepada orang2 China dan beliau menchuba hendak meruntuhkan ugama Islam.

PERATORAN2 IMIGRESEN MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Undang2 Imigresen baharu yang telah di-luluskan oleh Kerajaan2 Negara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu menyinggong orang2 dari negeri2 tersebut yang pada masa ini tinggal di-negeri ini.

Sa-bahagian daripada mereka itu telah hilang hak mereka masuk balek ka-negeri2 tersebut, terutamanya orang2 yang bukan warga negara yang dahulunya di-benarkan masuk ka-negeri2 itu dengan bersyarat.

Bagi menjelaskan kedudukan orang2 yang demikian dan menentukan sama ada mereka itu akan di-benarkan masuk balek ka-Singapura, mereka itu hendaklah bertanya dengan segera kepada Pejabat Imigresen, Bandar Brunei atau Kuala Belait atau berhubung terus dengan Pejabat Imigresen, Singapura atau Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Perhubungan itu hendaklah di-buat sa-belum 31 December tahun ini.

BAYARAN ELECTRIC DI-BRUNEI MURAH DARI NEGERI2 LAIN

(Dari muka 3)

dari generator2 yang kecil, tetapi apabila unattended power station itu di-dirikan, generator2 kecil yang ada di-situ pada masa ini akan di-gunakan juga sama ada di-pasang di-kampong atau bandar lain atau di-simpan di-situ sa-bagai tambahan kepada unattended power station itu.

Sa-buah unattended power station lagi mungkin di-dirikan di-Muara untuk memberi bekalan electric kepada penduduk kampong nelayan di-kawasan Muara.

Sungguh pun attended power station itu tidak memerlukan tenaga manusia pada menyelenggarakan sa-tiap hari, ia ada-lah lebeh memuaskan dari generator2 kecil yang di-pakai di-bandar2 kecil.

Kelelahan memakai unattended power station itu ia-lah perbelanjaan-nya kurang di-sebabkan oleh tiada orang yang menjaga-nya kechuali pada masa2 yang di-tentukan.

Rombongan haji tiba minggu ini

BANDR BRUNEI.—Saudara2 jemaah haji yang akan sampai dengan kapal pelayaran ketiga dari Judah dalam minggu hadapan akan di-benarkan menyambut haji2 baharu itu di-Labuan.

Mereka itu akan di-bawa dengan kapal2 kerajaan dari Brunei dengan syarat mereka hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama dengan pejabat Ugama di-sini.

Hanya sa-orang saudara sahaja bagi sa-orang haji akan di-benarkan menumpang kapal kerajaan. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan kapal2 kerajaan.

Sa-ramai 55 orang haji baharu di-jangka akan sampai dengan pelayaran ketiga dari Judah itu.

Piala lumba motokar

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah piala untuk di-rebutkan dalam pertandingan lumba motokar anjoran Brunei State Motor Club akan di-hadiahkan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Perlumbaan itu akan di-adakan pada 9 August di-lapangan terbang Berakas dan terbuka kepada ahli2 club tersebut.

Piala Duli Yang Maha Mulia itu ia-lah kerana masa yang deras sa-kali di-dapati oleh sa-barang kreta dalam perlumbaan.

Sa-buah piala kerana driver yang chekap sa-kali antara peserta2 perempuan akan di-hadiahkan oleh British Resident, Yang Berhormat Tuan D.C. White.

PEKERJA2 DESEK RUNDINGAN GAJI

SINGAPURA. — Kesatuan pekerja2 kerajaan di-sini telah mendesak pemerintah supaya mengadakan satu perundingan berkenaan dengan pemotongan allowance baharu2 ini.

Ini ada-lah langkah dalam perundingan antara kesatuan2 pekerja dengan Kerajaan Parti Tindakan Ra'ayat.

Kerajaan telah memotong allowance2 kaki tangan kerajaan yang kanan itu sa-bagai satu langkah-hendak mengurangkan perbelanjaan negeri.

Apabila beberapa kesatuan pekerja mengambil keputusan hendak mengadakan "Majlis tindakan bersama" kerana mengadakan bantahan, kerajaan pun menggantong kerja Tuan F.V. Rajendra, pengurus Majlis tindakan bersama dan juga pengerusi Persatuan Kesatuan2 Pekerja2 Kerajaan.

Baharu2 ini 18 dari 19 kesatuan yang bergabung dengan majlis itu telah memberi sokongan kepada Tuan Rajendra untuk mendesak Kerajaan supaya mengadakan perundingan menerusi satu badan orang tengah.

KAWALAN SEMPADAN

JAKARTA. — Sharikat berita Antara berkata di-sini baharu2 ini bahawa sa-ubah pejabat imigresen akan di-dirikan di-Tarakan, Kalimantan supaya dapat di-kawal orang2 yang melintasi sa-chara haram sempadan Indonesia Borneo British.

Tarakan terletak 60 batu dalam kawasan Indonesia dari sempadan Borneo British.

Semenjak pemberontakan berlaku di-Indonesia dalam tahun lepas, pegawai2 kerajaan telah menyatakan keimbangan mereka bahawa gerakan orang2 yang lalu langang di-antara Borneo British dengan kawasan Indonesia tidak terkawal.

Orang2 itu keluar kerana berniaga di-Borneo British yang mempunyai dasar "perniagaan bebas" itu.

Russia bantu Indonesia

JAKARTA. — Sharikat berita Antara berkata di-sini bahawa Russia telah meminjamkan Indonesia \$US 12,500 untuk membina sa-buah stadium kerana sukan Asia tahun 1962.

Sharikat itu berkata lagi bahawa Russia telah juga meminjamkan \$5,000,000 kepada Indonesia kerana mendirikan sa-buah maktab teknologi di-Ambun.



Binatang jenis monyet yang dikatakan hanya di-dapati di-Pulau Borneo sahaja itu di-namakan "Bangkatan" oleh orang2 Brunei.

Bangkitan selalu di-jumpai berkawan2 di-tepi2 sungai. Kadang2 di-jumpai hingga berbelas2 ekor berlompatan2 di-atas pokok2 bakau pada musim buah.

Bangkitan berbedda dengan monyet kerana warna bulu-nya ke-kuningan berbelang putih pada dada-nya. Hidong bangkatan pechet terjunta. Badan-nya besar dari monyet biasa dan kalau chukup besar hampir sa-besar orang.

Bangkitan di-atas ini telah mati di-tembak apabila di-jumpai mencuri buah2an di-kampong Mabu-hai di-tepi sa-batang sungai di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Berat-nya kira2 80 paun.